

□ □ □ □ □ 20 DEC 1987

KITA biasa tengok orang-orang Barat bertinju atau ber-gusti. Kita juga mungkin biasa tengok mereka berjudo atau berkarate. Tapi, Wak fikir, ramai antara kita yang tak percaya bila melihat orang-orang 'putih' itu bersilat.

Bagaimanapun, pada minggu lalu mereka beraksi di Kuala Lumpur. Mereka ambil bahagian dalam apa yang dinamakan sebagai Kejohanan Silat Sedunia. Dan ini adalah kejohanan kali keempat yang disertai antara lain oleh peserta-peserta dari Amerika Syarikat, Perancis dan Jerman Barat.

Wak sendiri pun belum pernah tengok orang-orang 'putih' bersilat. Tapi, Wak fikir mereka ada 'kelebihan' dari segi saiz badan kalau dibanding dengan pesilat Melayu.

Sebagai orang Melayu, kita boleh berbangga kerana seni silat kini dah jadi salah satu jenis sukan antarabangsa.

Wak harap, mudah-mudahan nanti, adalah hendaknya pengarah-pengarah filem Barat yang berminat dengan silat, dan kemudian buat filem penuh aksi, dengan heronya menggunakan silat untuk menentang lawan... macam mereka buat filem mengenai kung fu ataupun karate...

#### Berita Minggu

### SKIM HADIAH KERAJAAN

# Pesaka masih rangka laporan untuk MSN

Oleh MOHD RAHIME YUSOFF 25 DEC 1987

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan (Pesaka) masih merangka laporan berhubung permohonan mendapatkan Skim Hadiah Kerajaan kepada pesilat-pesilat kebangsaan yang berjaya memenangi pingat dalam Kejohanan Silat Sedunia di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Bagaimanapun, semua rangka laporan itu mungkin dibincang dalam mesyuarat ahli majlis Pesaka terlebih dulu tidak lama lagi sebelum dikemukakan kepada Majlis Sukan Negara (MSN).

Penolong Setiausaha, Sulaiman Sarajan, berkata laporan itu akan diserahkan kepada MSN selewat-lewat pertengahan Januari ini.

Katanya, laporan untuk permohonan itu terpaksa dibuat dengan teliti supaya MSN dapat mengiktirafkan sebagai kejohanan bertaraf dunia, sebab itu ia mengambil sedikit masa.

Jika MSN mengiktiraf kejohanan itu maka pemenang pingat emas berpeluang menerima \$80,000, pingat perak \$40,000 dan pingat gangsa \$20,000.

Dalam kejohanan itu, Malaysia mengutip tiga pingat emas, tidak termasuk pingat emas dalam lejuaraan terbuka yang di menangi oleh Mazlan Shaari, manakala 4 pingat perak dan 12 gangsa.

Tiga pesilat yang memenangi pingat emas, Wan Aminuddin Bakri Abu Bakar, Ahmad Fauzi Othman dan Ahmad Wardi Salim.

Sulaiman memberitahu: "Kami masih membuat penelitian mengenai perkembangan silat Eropah termasuk cara mereka memilih pesilat untuk kejohanan itu bagi tujuan menguatkan laporan itu."

Sementara itu kedudukan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk bertanding atas tiket sendiri dalam Kejohanan Silat Kebangsaan pada Mac depan masih samar-samar kerana belum mengemukakan permohonan rasmi untuk menjadi ahli gabungan Persekutuan Silat Kebangsaan (Pesaka).

Ini berikutan Persatuan Seni mempertahankan Diri ATM dijangka membuat permohonan rasmi itu bulan depan.

Kebangkitan seni silat dalam ATM berikutnya kejayaan dua pesilatnya, Mazlan Shaari dan Rashid Che Omar dalam Kejohanan Silat Sedunia baru-baru ini.



■ RASHID CHE OMAR